

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2005/2006

November 2005

**HMT 223 – Morfologi Bahasa Malaysia**

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi ENAM muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

**ARAHAN:**

Kertas ini mengandungi DUA bahagian, **Bahagian A** dan **Bahagian B**. Jawab SEMUA soalan daripada **Bahagian A** dan mana-mana SATU daripada **Bahagian B**. Jawab EMPAT soalan kesemuanya.

Setiap soalan diberi nilai markah yang sama.

**BAHAGIAN A :** Jawab SEMUA soalan.

**BAHAGIAN B:** Jawab SATU soalan.

...2/-

**BAHAGIAN A: Jawab SEMUA soalan.**

1. Rujuk **DATA A** untuk menjawab soalan [a], [b] DAN [c].

**DATA A**

- [i] berpakaian
- [ii] keberangkatan
- [iii] mengemaskinikan
- [iv] pemalsuan

- [a] Salin **Jadual 1** di bawah ini pada kertas jawapan dan lengkapkannya.

**Jadual 1**

Perkataan	Akar & Kelas Kata	Kata Dasar & Kelas Kata	Kata Terbitan & Kelas Kata	Jenis & bentuk morfem terikat mengikut kedudukan	Jenis & bentuk morfem terikat mengikut fungsi	Konsep/ Fungsi yang didukung oleh morfem terikat
1.berpakaian						
2.keberangkatan						
3.mengemaskinikan						
4.pemalsuan						

- [b] Huraikan binaan bagi setiap kata dalam data di atas. Tunjukkan hierarki struktur binaan tersebut melalui rajah pohon yang lengkap.

- [c] Buat ujian kelas kata bagi setiap **kata dasar** yang telah anda kenal pasti di dalam [a].

[100 markah]

2. Jawab soalan [a], [b] DAN [c].

- [a] Kata-kata baru boleh dicipta daripada cara-cara yang berikut. Berikan dua contoh bagi setiap cara:

- [i] Akronim
- [ii] Pemaduan
- [iii] Pemendekan (potongan)
- [iv] Keluaran Jenama atau Kata Nama Khas

...3/-

- [b] Gunakan sebarang morfem akar untuk membina **kata-kata baru** atau **kata nahuan** Bahasa Melayu melalui pengimbuhan, penggandaan, pemajmukan, dan kombinasi sekurang-kurangnya dua proses morfologi. Kata-kata baru atau kata nahuan yang anda hasilkan mestilah terdiri daripada golongan kata adjektif, kata kerja dan kata nama.

Gunakan sepenuhnya format yang berikut untuk menghasilkan kata baru atau kata nahuan tersebut.

<u>Kata Nama</u>	<u>Kata Kerja</u>	<u>Adjektif</u>
[i] Kombinasi 2 proses morfologi:	[i] Kombinasi 2 proses morfologi:	[i] Kombinasi 2 proses morfologi:
[ii] Penggandaan:	[ii] Penggandaan:	[ii] Penggandaan:
[iii] Pemajmukan:	[iii] Pemajmukan:	[iii] Pemajmukan:
[iv] Pengimbuhan:	[iv] Pengimbuhan:	[iv] Pengimbuhan:
Apitan I: Apitan II:	Apitan I: Apitan II:	Apitan I:
Prefiks I: Prefiks II:	Prefiks I: Prefiks II:	Prefiks I:
Sufiks I:	Sufiks I: Sufiks II:	

- [c] Kumpulkan semua kata majmuk yang anda hasilkan dalam [b] dan tambah dengan kata majmuk yang lain untuk anda jadikan sebagai data. Gunakan data tersebut untuk menghuraikan ciri-ciri kata majmuk dalam Bahasa Melayu.

[100 markah]

3. Jawab [a] DAN [b].

[a] Bina ayat untuk menunjukkan pelbagai maksud prefiks ber- , apitan ber-an , apitan ber-kan, dan apitan ke-an dalam Bahasa Melayu. Gunakan format **Jadual 2** ini.

**Jadual 2**

Maksud prefiks <i>ber-</i>	Ayat
1. 'saling'	
2. 'melakukan perbuatan untuk diri sendiri'	
3. 'sudah berlaku'	
4. ' mempunyai'	
5. 'menggunakan'	
6. 'bekerja sebagai'	
7. 'kumpulan'	
8. 'menghadiri, mengalami, menjalani'	
Maksud apitan <i>ber-an</i>	Ayat
9. 'berulang, terus menerus'	
10. 'perbuatan menyaling'	
11. 'menunjukkan subjek jamak'	
Maksud apitan <i>ber-kan</i>	Ayat
12. 'menjadikan sesuatu sebagai'	
Maksud apitan <i>ke-an</i>	Ayat
13. 'subjek ayat mengalami perbuatan morfem dasar'	
14. 'hal keadaan yang terkandung dalam morfem morfem dasar'	

[b] Tentukan golongan kata bagi kata terbitan yang anda gunakan untuk memperlihatkan kedua-dua maksud apitan *ke-an* dalam (13) dan (14). Buat ujian golongan kata untuk menyokong jawapan anda.

[100 markah]

**BAHAGIAN B:** Jawab SATU soalan sahaja.

4. Dalam *Nahu Melayu Mutakhir*, Asmah(1986) mengemukakan adverba sebagai satu daripada golongan kata yang utama dalam bahasa Melayu. Berdasarkan pendeskripsian beliau, huraikan ciri-ciri golongan kata adverba dalam Bahasa Melayu.

[100 markah]

5. Yang berikut ini dipaparkan beberapa data yang diambil daripada pelbagai bahasa tabii. Bagi setiap data tersebut, terdapat soalan yang berkaitan dengannya. Kaji setiap data tersebut dan jawab soalan [a], [b], [c], [d], [e] DAN [f].

- [a] Huraikan bagaimana kata terbitan dalam **DATA B** di bawah dibentuk? Apakah maksud kata terbitan tersebut?

**DATA B** daripada Bahasa Melayu (Sumber: Nik Safiah Karim et al., 2003)

<u>Kata akar</u>	<u>Kata terbitan</u>
[i] guruh	gemuruh
[ii] serbak	semerbak
[iii] ketot	kemetot

- [b] Merujuk kepada **DATA C** di bawah, huraikan proses morfologi yang berlaku dan nyatakan konsep yang diungkap melalui proses morfologi tersebut?

**DATA C** daripada bahasa Oaxaca Chontal (Sumber: Jensen, 1995)

<u>Kata Akar</u>	<u>Maksud</u>	<u>Kata terbitan</u>	<u>Maksud</u>
[i] cece	'tupai'	celce	'tupai-tupai'
[ii] tuwa	'orang asing'	tulwa	'orang-orang asing'
[iii] meko?	'sudu'	melko?	'sudu-sudu'
[iv] kwepo?	'cicak'	kwelpo?	'cicak-cicak'

- [c] **DATA D** di bawah memaparkan bagaimana konsep darjah superlatif diungkap dalam Bahasa Chamorrow. Huraikan dengan jelas bagaimana ia dilakukan.

**DATA D** daripada bahasa Chamorrow yang dituturkan di Guam dan Kepulauan Mariana (Sumber: O'Grady & Archibald, 2000)

<u>Kata Akar</u>	<u>Maksud</u>	<u>Kata terbitan</u>	<u>Maksud</u>
[i] nalang	'lapar'	nalalang	'sangat lapar'
[ii] dankolo	'besar'	dankololo	'sangat besar'
[iii] metgot	'kuat'	metgogot	'sangat kuat'
[iv] bunita	'cantik'	bunitata	'sangat cantik'

- [d] Huraikan apa yang sebenarnya berlaku dalam **DATA E** di bawah ini?

**DATA E** daripada bahasa Samoan (Sumber: Fromkin et al., 2003)

<u>Kata Akar</u> (Kata Kerja)	<u>Maksud</u>	<u>Kata terbitan</u>	<u>Maksud</u>
[i] matua	'dia tua'	matutua	'mereka tua'
[ii] malosi	'dia kuat'	malolosi	'mereka kuat'
[iii] atamaki	'dia bijak'	atamamaki	'mereka bijak'
[iv] punou	'dia membengkok'	punonou	'mereka membengkok'

- [e] Bandingkan **DATA B** dan **DATA D**, apakah yang anda boleh perkatakan dari segi morfologi?
- [f] Bandingkan **DATA C** dan **DATA E**, apakah yang anda boleh perkatakan dari segi morfologi?

[100 markah]